



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN AHAD, 26 OKTOBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	EKSPO SARAWAK BERMULA DI MITEC, HARI INI		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1279680/ekspo-sarawak-bermula-di-mitec-hari-ini	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/10/25/sarawak-expo-2025-platform-anak-sarawak-kenali-dasar-dan-hala-tuju-pembangunan-negeri	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KEPERLUAN PENDUDUK TERJEJAS BANJIR DI PPS DIJAMIN MENCUKUPI - JKM KEDAH		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/keperluan-penduduk-terjejas-banjir-di-pps-dijamin-mencukupi-jkm-kedah	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	BANJIR: JUMLAH MANGSA DI TIGA NEGERI HAMPIR 6,000		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/25/banjir-hampir-6000-mangsa-berlindung-di-47-pps/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	SASARAN 20,000 WANITA JALANI SARINGAN AWAL KANSER PAYUDARA HAMPIR TERCAPAI		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/sasaran-20,000-wanita-jalani-saringan-awal-kanser-payudara-hampir-tercapai	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.mingguanwanita.my/kesedaran-kanser-payudara-meningkat-hampir-20000-wanita-jalani-saringan-awal-dr-dzulkefly/	MINGGUANWANITA.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1279830/kkm-sasar-20000-wanita-jalani-saringan-kanser-payudara	HMETRO.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/25/health-ministry-targets-20000-women-to-undergo-breast-cancer-screening	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	AKAR, AKSI SEMAI BENIH KEUSAHAWANAN SEJAK REMAJA DI PERAK		POSITIF
	https://malaysiagazette.com/2025/10/25/akar-aksi-semai-benih-keusahawanan-sejak-remaja-di-perak/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	'SAYA DIHALAU DARI RUMAH, KERETA DIRAMPAS'		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/25/saya-dihateau-dari-rumah-kereta-dirampas/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	MURID TAHUN ENAM LEMAS DALAM LOMBONG		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1463298/murid-tahun-enam-lemas-dalam-lombong	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1279875/pelajar-tahun-enam-ditemukan-lemas-dalam-lombong	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/25/budak-12-tahun-mati-lemas-mandi-lombong/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/754072/berita/semasa/murid-tahun-enam-ditemukan-lemas-dalam-lombong	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/10/25/budak-perempuan-lemas-jatuh-dalam-lombong/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/kanak-kanak-12-tahun-lemas-ketika-mandi-di-lombong/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	WARGA EMAS RENTUNG DALAM KEBAKARAN RUMAH DI KOTA BELUD		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-rumah-di-kota-belud/	BULETINTV3.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/753993/berita/semasa/warga-emas-ditemui-rentung-di-bilik-tidur	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1279628/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-rumah-di-kota-belud	HMETRO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-di-kampung-bangkahak-sunsum-544457	ASTROAWANI.COM	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/10/25/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-rumah	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/10/25/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-rumah-di-kota-belud/	TVSARAWAK.MY	
	https://sabahnewstoday.net/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-rumah-di-kota-belud/	SABAHNEWSTODAY.NET	
	https://sabahmedia.com/2025/10/25/warga-emas-ditemui-rentung-dalam-kebakaran-di-kota-belud/	SABAHMEDIA.COM	
	https://sabahnews.com.my/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-rumah-di-kota-bangkahak-kota-belud/	SABAHNEWS.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	HUKUMAN PENJARA WANITA SEBABKAN KEMATIAN CUCU OKU DITINGKATKAN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1279706/hukuman-penjara-wanita-sebabkan-kematian-cucu-oku-ditingkatkan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/754022/berita/semasa/hukuman-penjara-wanita-sebabkan-kematian-cucu-oku-dinaikkan-kepada-15-tahun	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hukuman-penjara-wanita-sebabkan-kematian-cucu-oku-dinaikkan-kepada-15-tahun-544467	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/dunia/news.php?id=2482879	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ekspo Sarawak bermula di MITEC, hari ini

Nurul Hidayah Bahaudin

nurul.hidayah@hmetro.com.my



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof merasmikan Ekspo Sarawak sempena program Lan Berambek Anak Sarawak 2025 (LBAS 2025) di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur, hari ini, yang turut dihadiri Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi serta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri. FOTO Oleh Nurul Hidayah Bahaudin

Kuala Lumpur: Sebanyak 166 agensi kerajaan negeri, kementerian dan usahawan menyertai Ekspo Sarawak sempena program Lan Berambek Anak Sarawak 2025 (LBAS 2025) di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), di sini, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, ekspo itu menampilkan pameran kerjaya, pendidikan, peluang perniagaan dan jualan produk tempatan.

"Penganjuran ekspo berkenaan selaras dengan usaha memastikan Sarawak terus maju serta makmur bersama rakyat.

"Saya menyeru anak-anak Sarawak yang berada di Semenanjung untuk merebut peluang mendapatkan maklumat terkini berkaitan dasar serta perancangan kerajaan negeri," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Petra Jaya berkata demikian selepas merasmikan ekspo berkenaan.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kesihatan Sarawak selaku penasihat LBAS 2025 Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, program kali ini menampilkan segmen baharu iaitu 'Sarawak Croc's Tank'.

Menurutnya, program itu memberi platform kepada pelajar untuk membentangkan kertas kerja yang menonjolkan kreativiti dan idea baharu mereka.

"Mereka akan membentangkan projek atau idea di hadapan panel juri untuk menonjolkan potensi dalam bidang inovasi serta kepimpinan," katanya.

Lebih 3,000 pelajar anak Sarawak akan bersama-sama Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Abang Openg dalam sesi Town Hall pada program itu.

Pada sebelah malam pula, 6,500 anak Sarawak akan hadir dalam acara kemuncak iaitu Majlis Makan Malam LBAS 2025 bersama Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Abang Johari.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Keperluan penduduk terjejas banjir di PPS dijamin mencukupi – JKM Kedah

Nasional – Dicipta: 25 Oktober 2025 04:48 PM



FOTO BERNAMA

POKOK SEN, 25 Oktober – Keperluan penduduk yang terjejas banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) adalah dijamin mencukupi.

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Kedah, ini termasuk bekalan makanan, minuman dan keperluan asas lain.

Pengarahnya, Zakaria Taib berkata bekalan makanan dihantar mengikut jadual iaitu empat kali iaitu sarapan, makan tengah hari, minum petang dan makan malam.

Menurutnya, semua makanan dibekalkan oleh 64 pembekal yang dilantik JKM dan setiap makanan yang dibekalkan adalah berkhasiat.

"Pembekal berjaya membekalkan makanan kepada semua penduduk terjejas, dan setiap makanan yang disalurkan perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan.

"Pembekal yang kita pilih ini sanggup melaksanakan tugas tersebut serta mempunyai bilangan pekerja dan jumlah makanan yang mencukupi, menunjukkan bahawa mereka merupakan pembekal yang besar dan berkemampuan," katanya.

Beliau ditemui media selepas menyampaikan bekalan makanan kepada penduduk yang terjejas banjir di PPS Pokok Sena.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Anggota APM membantu memindahkan seorang warga emas yang diserang strok ketika banjir melanda Kampung Baru Jermerli, Kulim. – FOTO APM

Banjir: Jumlah mangsa di tiga negeri hampir 6,000

Oleh ALIA NATASHA CHAHIDAN 25 Oktober 2025, 10:52 am

PETALING JAYA – Seramai 5,874 mangsa daripada 1,874 keluarga dipindahkan ke 47 pusat pemindahan sementara (PPS) susulan kejadian banjir di tiga negeri di utara setakat pukul 9 pagi tadi.

Menurut laman web info bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), bilangan mangsa di Kedah, Pulau Pinang dan Perak dilaporkan semakin meningkat.

“Di Kedah, terdapat 14 PPS termasuk lapan di Kulim, Baling (4) dan Kuala Muda serta Pokok Sena masing-masing satu dibuka bagi menempatkan 1,864 mangsa daripada 585 keluarga,” ujarnya.

Menurut laman web itu, seramai 778 mangsa daripada 212 keluarga terjejas di daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

“Di Seberang Perai Tengah melibatkan 217 mangsa manakala Barat Daya Pulau Pinang pula 31 mangsa yang ditempatkan di tujuh PPS,” katanya.

Bagi daerah Larut, Matang dan Selama di Perak mencatatkan jumlah tertinggi dengan 2,055 mangsa daripada 723 keluarga. Seramai 616 mangsa daripada 199 keluarga pula direkodkan di Manjung.

“Di Perak Tengah, seramai 110 mangsa daripada 31 keluarga terjejas manakala Kerian merekodkan 203 mangsa daripada 57 keluarga,” tambahnya.

Mangsa banjir itu terdiri daripada 4,093 dewasa, 1,658 kanak-kanak serta 123 bayi. –KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sasaran 20,000 wanita jalani saringan awal kanser payudara hampir tercapai

Nasional - Dicipta: 25 Oktober 2025 03:25 PM



Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad ditemui pada acara Pink Ribbon Run 2025 / Foto RTM

Sasaran 20,000 wanita jalani saringan awal kanser payudara hampir tercapai

PUTRAJAYA, 25 Oktober – Sasaran 20,000 wanita melakukan saringan awal kanser payudara dalam tempoh tiga bulan dari Oktober hingga Disember 2025, hampir tercapai.

Ini berikutan sambutan menggalakkan yang menyaksikan 19,678 wanita telah berbuat demikian dalam tempoh kurang sebulan dari 1 hingga 24 Oktober.

Menurut Menteri kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, KKM akan melakukan usaha berterusan untuk memperluaskan capaian saringan dan meningkatkan pengesanan awal kanser payudara menerusi inisiatif Post-Pink October.

"Walaupun Pink October bakal melabuhkan tirainya, namun yang penting KKM tegaskan semangat solidariti untuk menyebar mesej kesedaran (kepada golongan wanita) bagi mendapatkan saringan payudara," katanya.

Tambah beliau, kanser payudara kekal sebagai kanser utama di Malaysia dengan lebih 50% kes dikesan pada tahap tiga dan empat.

Datuk Seri Dr. Dzulkefly menyatakan demikian ketika ditemui dalam program PINK RIBBON RUN 2025 yang dirasmikan oleh Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin di Putrajaya.

Dengan tema "Bersatu Demi Wanita: Sebarkan Kesedaran, Selamatkan Nyawa", program ini menjadi simbol solidariti masyarakat dalam perjuangan melawan kanser payudara.

Pink Ribbon Run 2025 menghimpunkan 900 peserta dan turut menampilkan promosi kesihatan, sesi Sembang WanitaXtra serta pemeriksaan saringan kanser payudara percuma khusus untuk kumpulan B40.

Dengan komitmen berterusan ini, KKM berharap lebih ramai wanita tampil menjalani saringan awal agar pengesanan serta rawatan dapat dilakukan dengan segera demi menyelamatkan lebih banyak nyawa.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



AKAR, AKSI semai benih keusahawanan sejak remaja di Perak

(dari Rencat Sabirin Baidi, 13 Oktober 2023)



Merlimau Besar Perak, Datuk Seri Saizumi Mohamad menyampaikan ucapan selamat kepada pemenang kedua pada Majlis Persembahan Pertandingan Asas Keusahawanan Anak Remaja (AKAR) dan Junior Food Security Innovation Challenge (J-SINC) peringkat negeri Perak Tahun 2023 di RTC Perak, Gopeng, pada Isnin. Foto ANIQ NABILA/STG ANSAR, 13 OKTOBER 2023.

USAHA pembangunan usahawan tidak hanya bermula melalui latihan selepas tamat pengajian, sebaliknya ia perlu disemai seawal usia remaja khususnya ketika masih berada di bangku sekolah.

Pendekatan inilah yang sedang digerakkan melalui penganjuran Pertandingan Program Asas Keusahawanan Anak Remaja (AKAR) dan Asas Keusahawanan Koperasi (AKSI) yang berlangsung di peringkat negeri Perak baru-baru ini.

Ia digariskan melalui inisiatif antara Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Perak, Sekretariat Usahawan Negeri Perak (SUEP), Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak.



Pada Persembahan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Seri Saizumi Mohamad berucap pada Majlis Persembahan Pertandingan Asas Keusahawanan Anak Remaja (AKAR), Asas Keusahawanan Koperasi (AKSI) dan Junior Food Security Innovation Challenge (J-SINC) peringkat negeri Perak Tahun 2023 di RTC Perak, Gopeng, pada Isnin. Foto ANIQ NABILA/STG ANSAR, 13 OKTOBER 2023.

Menurut Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak, Datuk Selbah Mohamed, kejayaan menyayakan pertandingan ini adalah bukti kepada penglibatan pelbagai pihak dalam memperkukuh ekosistem pembangunan modal insan.

Beliau berkata, kedua-dua program ini menjadi inisiatif strategik melahirkan generasi muda yang cekap keusahawanan, kreatif serta inovatif dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Kata Selbah lagi, keusahawanan pada hari ini bukan lagi sebagai pilihan sampingan, tetapi ia adalah kemahiran hidup penting yang perlu ditanam sejak awal bagi membentuk masyarakat yang berdaya dan produktif.

"Saya menyambut baik usaha murni semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.

"Is terutama dalam memastikan generasi muda negeri Perak terus melangkah ke hadapan dengan yakin, berdaya serta mampu memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara kelak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penutup AKAR, AKSI dan Junior Food Security Innovation Challenge (J-SINC) di RTC Gopeng, baru-baru ini.

Mengulas lanjut Selbah berkata, program AKAR merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Perak melalui SUEP sebagai usaha untuk menanamkan semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah di peringkat daerah.



Merlimau Besar Perak, Datuk Seri Saizumi Mohamad menyampaikan ucapan selamat kepada pemenang kedua pada Majlis Persembahan Pertandingan Asas Keusahawanan Anak Remaja (AKAR), Asas Keusahawanan Koperasi (AKSI) dan Junior Food Security Innovation Challenge (J-SINC) peringkat negeri Perak Tahun 2023 di RTC Perak, Gopeng, pada Isnin. Foto ANIQ NABILA/STG ANSAR, 13 OKTOBER 2023.

Beliau memberitahu, kesinambungan pelaksanaan AKAR di peringkat daerah disokong pula oleh program AKSI yang ditengahi SKM yang mana pemenang akan menjadi wakil tunggal koperasi sekolah-sekolah di Perak untuk ke peringkat kebangsaan di Putrajaya.

Tambah Selbah, sementara 3-SINC yang diendalikannya oleh Perbadanan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) pula bermatlamatkan untuk melahirkan murid yang cakra berkaitan dengan sekuriti makanan serta memupuk minat mereka dalam bidang pertanian.

"Apes yang utama dan saya perlu nyatakan adalah tanpa komitmen yang jitu daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak dalam semua program yang dilaksanakan, mungkin kita tidak akan berada di sini.

"Jajanan terima kasih diucapkan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak yang memberi sokongan yang penuh kepada semua pertandingan yang diadakan," katanya lagi.

81 sekolah seluruh Perak sertai AKAR, AKSI

Sekurang 81 buah sekolah di seluruh negeri menyertai pertandingan AKAR dan AKSI dengan ia menjadikan Perak merupakan negeri dengan penyertaan tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain.

Sementara program 3-SINC pula, ia dilaksanakan di peringkat daerah berserta dua kategori utama iaitu Pertandingan Laman Dapur dan Inovasi Agro dengan masing-masing disertai 63 dan 53 buah sekolah.

Selbah berkata, daripada keseluruhan penyertaan bagi ketiga-tiga pertandingan ini, sebanyak 12 buah sekolah telah berjaya dipilih untuk mewakili daerah masing-masing di peringkat negeri bagi setiap kategori yang dipertandingkan.



Subsana sekiranya Majlis Persembahan Pertandingan Asas Keusahawanan Anak Remaja (AKAR), Asas Keusahawanan Koperasi (AKSI) dan Junior Food Security Innovation Challenge (J-SINC) peringkat negeri Perak Tahun 2023 di RTC Perak, Gopeng, pada Isnin. Foto ANIQ NABILA/STG ANSAR, 13 OKTOBER 2023.

Pada majlis penutup berlangsung, Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rungkap Berhad dari Dagan Datuk dinobatkan sebagai juara Pertandingan AKAR dan AKSI peringkat negeri.

Penghasilan produk kosmetik pelembap bibir yang diasaskan secara semula jadi di bawah nama 'Rosee Lip Balm' telah berjaya melayakkan pasukan tersebut mewakili Perak ke peringkat kebangsaan.



Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rungkap meraih kemenangan tempat pertama Pertandingan Asas Keusahawanan Anak Remaja (AKAR) dan Asas Keusahawanan Koperasi (AKSI) peringkat negeri Perak Tahun 2023 di RTC Perak, Gopeng. Foto ANIQ NABILA/STG ANSAR, 13 OKTOBER 2023.

Sementara itu Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saizumi Mohamad dalam ucapannya menyifatkan pelakonan AKAR, AKSI dan 3-SINC sebagai manifestasi kombinasi kerajinan dalam membentuk generasi muda yang bukan sekadar cemerlang akademik, tetapi memiliki jati diri dan kemahiran praktikal yang kukuh.

"Melalui pendedahan awal seperti ini, anak-anak muda kita belajar tentang kepimpinan, daya saing, pengurusan risiko dan berfikir secara kritis.

"Di samping itu, mereka juga dapat diasah supaya berani mencuba idea baharu dan mengonsepkan diri dalam satu asas penting bagi membentuk pemimpin ekonomi masa hadapan," kata beliau.



Merlimau Besar Perak, Datuk Seri Saizumi Mohamad menyampaikan ucapan selamat kepada pemenang kedua pada Majlis Persembahan Pertandingan Asas Keusahawanan Anak Remaja (AKAR), Asas Keusahawanan Koperasi (AKSI) dan Junior Food Security Innovation Challenge (J-SINC) peringkat negeri Perak Tahun 2023 di RTC Perak, Gopeng, pada Isnin. Foto ANIQ NABILA/STG ANSAR, 13 OKTOBER 2023.

Inisiatif yang digerakkan agensi terlibat dalam ketiga-tiga pertandingan ini dilihat sebagai usaha seiring dengan matlamat Pelan Perak Sejahtera 2030 yang memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan, pemerkasaan belia dan ketenteraman makanan.

Melalui sekerangan bersepadu antara agensi, sekolah serta komuniti, program seperti ini bukan sahaja melahirkan pelajar yang berdaya saing, tetapi bakal menjadi pemacu ekonomi negeri pada masa hadapan. - MG Perak

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ada bekas isteri yang terpaksa menumpang di rumah saudara dan kereta 'dirampas' selepas bercerai dengan pasangan. - GAMBAR JANAAN AI

'Saya dihalau dari rumah, kereta dirampas'

Oleh KOSMOL 25 Oktober 2025, 8:20 am

IPOH – Terdapat golongan ibu tunggal mengakui mereka bergelut membesarkan anak-anak termasuk terpaksa menumpang di rumah saudara gara-gara sikap bekas suami enggan membayar nafkah.

Seorang kerani dikenali sebagai Shima, 44, berkata, dia membesarkan tiga anak berusia lima hingga 14 tahun seorang diri selepas berpisah dengan pasangannya empat tahun lalu.

"Sepanjang tempoh itu, bekas suami tidak membayar nafkah dengan alasan saya bekerja dan mempunyai pendapatan tetap, sedangkan gaji yang diperoleh cuma RM2,100.

"Dengan pendapatan sebanyak itu, mana mampu saya hendak besarkan tiga anak dan membayar sewa rumah.

"Bekas suami tidak benarkan saya tinggal di rumah kami, kereta saya juga diambil selepas kami bercerai, bahkan tidak bertanya khabar anak-anak," katanya.

Ceritanya, selepas keluar dari rumah bekas suami, dia dan anak-anak menumpang di rumah saudara dan bersyukur kerana ahli keluarganya memahami kesusahan yang sedang dihadapinya.

"Saya beli motosikal untuk berulang-alik ke tempat kerja dan menghantar anak-anak ke sekolah. Saya juga bersyukur kerana anak-anak memahami apa yang dilalui dan tidak mengeluh," katanya.

Di **Gua Musang, Kelantan**, ibu tunggal dikenali sebagai Fiza, 38, menyokong usaha kerajaan untuk menyita harta bekas suami atau bapa yang culas membayar nafkah anak.

Katanya, kehidupannya bersama dua anak berusia tiga dan lapan tahun terumbang-ambing selepas bercerai tahun lalu ditambah pula bekas suami tidak membayar nafkah RM400 sebulan seperti diperintahkan oleh mahkamah.

"Bekas suami tidak pernah beri satu sen pun sepanjang kami cerai walaupun dia bekerja sebagai penjawat awam. Saya pula suri rumah, jadi untuk memulakan kehidupan baru, saya cuma cari kerja dan meminjam wang daripada keluarga.

"Mujur saya diterima bekerja sebagai pembantu jualan dan pendapatan itu digunakan untuk menyara kami tiga beranak," katanya ketika ditemui Kosmol semalam.

Fiza berkata, dia pernah melaporkan perkara itu kepada Bahagian Sokongan Keluarga Mahkamah Syariah, namun hanya bertahan tiga bulan.

"Bila saya hubungi, panggilan pula tidak pernah diangkat. Sepatutnya dia (bekas suami) tiada masalah untuk menjelaskan bayaran itu kerana dia penjawat awam.

"Wang ini untuk kegunaan saya, tetapi anak-anak sedih. Saya yakin bekas suami sengaja. Memang sedih bila anak-anak diperlakukan begini," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Murid Tahun Enam lemas dalam lombong

Oleh Alias Abd Rani - Oktober 25, 2025 @ 8:13pm



Lokasi Siti Nur Khadijah ditemukan lemas. - Foto tular

TANGKAK: Kegembiraan sekumpulan kanak-kanak mandi di sebuah lombong berakhir tragedi apabila seorang daripadanya ditemukan lemas, petang tadi.

Mangsa, Siti Nur Khadijah Ahmad Faisal, murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK) Penchu ditemukan meninggal dunia dalam lombong di Kampung Penchu, Kundang, di sini, jam 3.20 petang.

Ketua Polis Daerah Tangkak, Superintendan Roslan Mohd Talib, berkata mayat mangsa ditemukan pasukan penyelamat kira-kira 50 meter dari tempat kejadian.

"Siasatan awal mendapati mangsa bersama adik lelaki berusia 10 tahun serta dua rakan masing-masing berusia sembilan dan 13 tahun mandi di kawasan itu pada kedalaman tiga meter.

"Sepasukan polis dari Balai Grisek bersama anggota bomba bergegas ke lokasi sebaik menerima laporan itu.

"Pemeriksaan awal pembantu perubatan Klinik Kesihatan BukitSerampang mendapati mangsa sudah meninggal dunia. Siasatan ditempat kejadian tidak menemui sebarang unsur jenayah," katanya ketika dihubungi.

Roslan berkata, mayat mangsa dibawa ke Hospital Tangkak untuk bedah siasat dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut.

"Mereka mempunyai maklumat diminta berhubung dengan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tangkak di talian 06-9785222," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Warga emas rentung dalam kebakaran rumah di Kota Belud

🕒 25 Oktober 2025, 8:39am



Rumah didiami mangsa musnah sepenuhnya dalam kebakaran di Kampung Bangkahak Sunsum, Kota Belud. – FOTO: Ihsan Bomba

Oleh: Juwan Riduan

KOTA BELUD: Seorang wanita warga emas ditemukan rentung selepas rumah didiami musnah dalam kebakaran di Kampung Bangkahak Sunsum, awal pagi tadi.

Mangsa berusia lingkungan 70-an dipercayai terperangkap di bilik tidurnya sebelum ditemui rentung oleh pasukan bomba yang menjalankan operasi pemadaman.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kota Belud berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 2 pagi sebelum sepasukan 10 anggota digerakkan ke lokasi kejadian sejauh 13 kilometer.

"Sebaik tiba, pasukan mendapati kebakaran membabitkan sebuah rumah jenis tidak kekal yang terbakar 100 peratus.

"Pasukan bertindak memadam api menggunakan kaedah ofensif dengan satu aliran hos dan dua pancutan menggunakan sumber air dari tangki jentera," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Menurutnya, sebaik api berjaya dikawal pada jam 2.50 pagi, pasukan bomba menemui seorang mangsa perempuan warga emas berusia lingkungan 70-an yang rentung di bilik tidur rumah berkenaan.

"Operasi pemadaman dan pemeriksaan susulan diteruskan sebelum ditamatkan sepenuhnya pada jam 5.30 pagi.

"Siasatan punca kejadian serta anggaran kerugian masih dijalankan," katanya.


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Hukuman penjara wanita sebabkan kematian cucu OKU ditingkatkan

BERNAMA



BANGUNAN Istana Kehakiman. FOTO arkib NSTP

Putrajaya: Mahkamah Rayuan meningkatkan hukuman penjara seorang wanita warga emas daripada 10 tahun kepada 15 tahun atas kesalahan menyebabkan kematian tanpa niat membunuh terhadap cucunya yang juga orang kurang upaya (OKU) berusia lima tahun.

Panel tiga hakim diketuai Hakim Datuk Mohamed Zaini Mazlan yang bersidang bersama Hakim Datuk Azmi Ariffin dan Datuk Meor Hashimi Abdul Hamid, semalam membenarkan rayuan pihak pendakwaan untuk menambah hukuman terhadap Ipzuma Ambo.

Peguam bela tertuduh, Choong Kak Sen, mengesahkan keputusan itu dan memaklumkan bahawa Mahkamah Rayuan mengetepikan hukuman asal serta menggantikannya dengan hukuman penjara 15 tahun, berkuat kuasa dari tarikh tangkapan.

Beliau turut mengesahkan bahawa mahkamah berpendapat hukuman dijatuhkan Mahkamah Tinggi; sebelum ini tidak mencukupi berdasarkan fakta kes dan trend semasa dalam penjatuhan hukuman.

Ipzuma, 59, warga Indonesia, pada asalnya didakwa membunuh Qaseh Nur Qalesya Roza Iskandar.

Selepas 17 saksi memberi keterangan sepanjang perbicaraan, pihak pendakwaan menawarkan pertuduhan alternatif di bawah Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan kerana menyebabkan kematian tanpa niat membunuh.

Pada 9 Jan tahun ini, Ipzuma mengaku bersalah terhadap pertuduhan alternatif itu dan Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun, bermula dari tarikh tangkapan pada 1 Jan 2021.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah rumah di Kampung Sungai Chin, Gombak, Selangor, antara 12.01 tengah malam 28 Dis 2020 dan 8.10 malam 30 Dis 2020.

Mangsa merupakan anak kepada anak lelaki angkat Ipzuma. Tertuduh telah menetap di Malaysia sejak 1992.

Ketika prosiding di Mahkamah Rayuan, Timbalan Pendakwa Raya Mohd Zain Ibrahim berhujah bahawa hukuman asal terlalu ringan memandangkan keseriusan kes yang melibatkan kematian cucu sendiri.

Bagaimanapun, Choong mempertahankan keputusan Mahkamah Tinggi dengan menyatakan bahawa hukuman 10 tahun itu tidak boleh dianggap terlalu ringan.

Berdasarkan fakta kes, kakak mangsa memberi keterangan bahawa dia terdengar adiknya menangis ketika dimandikan dan apabila disiasat, dia melihat Ipzuma mendera mangsa dengan memasukkan hos ke dalam dubur kanak-kanak itu serta menendang dan memijak tubuhnya.

Mangsa bersama kakaknya dan ibu mereka tinggal bersama Ipzuma selepas ibu bapa mereka bercerai. Ipzuma menjaga kedua-dua beradik itu ketika ibu mereka keluar bekerja.